

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
(SETIU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2016

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aduan dan tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap syarikat yang menjalankan Skim cepat kaya di bawah akta perkhidmatan kewangan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik siasatan terhadap kes-kes skim cepat kaya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013, sebanyak dua kes

melibatkan dua buah syarikat dan seorang individu telah disiasat di bawah Seksyen 137 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atas kesalahan menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dalam usaha membendung penularan dan penglibatan lebih ramai orang awam di kalangan kegiatan pelaburan skim cepat kaya oleh penganjur yang tidak bertanggungjawab.

Setakat ini, BNM telah menyenaraikan sebanyak 272 syarikat yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh BNM berdasarkan penilaian atas maklumat, pertanyaan dan aduan yang diterima berhubung dengan aktiviti individu dan entiti yang berkenaan. "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" (SPSPK) atau "*Financial Consumer Alert*" boleh dilihat di laman sesawang BNM bagi rujukan orang awam.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **16 NOVEMBER 2016 [RABU]**
SOALAN : **12**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kedudukan dan keupayaan Synergy Sterilisation Rawang (M) Sdn. Bhd. selepas mengalami kebakaran dan kemalangan Penyinar Gamanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Synergy Sterilisation Rawang (M) Sdn. Bhd. yang terletak di Rawang Integrated Industrial Park, Rawang, Selangor merupakan syarikat yang berlesen dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bagi aktiviti pensterilan menggunakan bahan radioaktif kobalt-60. Kemudahan sel penyinaran ini bertujuan memberikan pendedahan sinaran gamma terhadap produk-produk yang bergerak mengelilingi bahan radioaktif kobalt-60. Kebanyakannya adalah produk-produk yang didedahkan ini digunakan dalam bidang perubatan seperti sarung tangan getah pembedahan dan sebagainya, yang memerlukan proses pensterilan supaya ia bebas kuman.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 14 April 2014 satu kebakaran telah berlaku di bahagian dalam 'bunker' di mana ditempatkan bahan radioaktif berkenaan. Walau bagaimanapun kebakaran tidak memberi kesan kepada bahan radioaktif di dalam premis tersebut. Semua bahan radioaktif (kobalt-60) disimpan dalam kolam penstoran dan tiada kebocoran kolam yang dikesan dan disahkan selamat.

Ekoran daripada kebakaran dan kemalangan di Synergy Sterilisation Rawang (M) Sdn. Bhd., Kerajaan telah melakukan penilaian semula dan memperketatkan syarat-syarat lesen bagi aktiviti tersebut. Kemudahan ini juga telah dilakukan verifikasi dan disahkan oleh jurutera bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah berpuas hati ke atas tindakan penambahbaikan aspek keselamatan sinaran yang telah dilaksanakan oleh syarikat berkenaan. Syarikat juga didapati telah mematuhi syarat-syarat lesen yang telah dikenakan oleh Kerajaan. Hasil daripada penilaian keselamatan sinaran juga mendapati kemudahan tersebut disahkan selamat untuk beroperasi. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju mengeluarkan lesen kepada syarikat berkenaan bagi meneruskan operasinya.

Sekian, terima kasih.